

3767/1
EKONOMI
KERTAS 1
SEPTEMBER 2024
1 ¼ JAM

NO KAD PENGENALAN

						-			-			
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2024


EKONOMI
KERTAS 1
MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT

ARAHAN:

1. Kertas ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A,B,C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang di sediakan.
4. Sekiranya anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan jawapan yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas soalan ini mengandungi **15** halaman bercetak

- 1 Apakah kos lepas yang di hadapi oleh kerajaan?
A Barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan
B Keluaran kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan
C Pengeluaran kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan
D Projek pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan
- 2 Gambar 1 berkaitan dengan faktor pengeluaran.



Gambar 1

Apakah ganjaran yang diperolehi oleh faktor di atas?

- A Upah
- B Sewa
- C Faedah
- D Untung

- 3 Jadual 1 berkaitan dengan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP)

Barang X	Barang Y
11	4
5	9

Jadual 1

Berapakah kos lepas bagi menambah pengeluaran barang Y daripada 4 unit kepada 9 unit?

- A 4 unit barang Y
 - B 5 unit barang Y
 - C 5 unit barang X
 - D 6 unit barang X
- 4 Ciri utama sistem ekonomi pasaran bebas ialah
- A pengeluaran diuruskan oleh kerajaan
 - B sumber dimiliki sepenuhnya oleh individu
 - C pemerintah mengawal semua aspek ekonomi
 - D harga ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran
- 5 Gambar 2 berkaitan dengan permintaan motosikal tempatan.


 RM4,200	Permintaan Mac : 2500 unit
	Permintaan Julai : 3800 unit

Gambar 2

Apakah faktor yang menyebabkan perubahan permintaan motosikal?

- A Peningkatan dalam teknologi pengeluaran
- B Tambang bas turun dari RM3.00 kepada RM2.00
- C Pendapatan pengguna bertambah sebanyak 10%
- D Kerajaan mengurangkan subsidi kepada pengeluar

6 Rajah 1 berkaitan dengan perubahan permintaan satu barang.



Rajah 1

Apakah yang menyebabkan perubahan keluk permintaan di atas?

- A Harga barang itu berkurangan
- B Citarasa terhadap barang itu meningkat
- C Kerajaan mengenakan cukai barangan
- D Jangkaan harga pada masa depan jatuh

7 Hukum penawaran merujuk kepada hubungan antara harga dengan

- A kuantiti ditawarkan
- B kuantiti penawaran
- C kepuasan pengguna
- D keuntungan pengeluar

- 8 Bagaimanakah penggunaan teknologi dalam proses pengeluaran dapat mempengaruhi penawaran sesuatu barang?
- A Meningkatkan penawaran
 - B Mengurangkan pengeluaran
 - C Mempengaruhi harga barang
 - D Mewujudkan peluang pekerjaan
- 9 Keluk permintaan pasaran barang akan beralih ke kiri apabila
- A tiba musim perayaan
 - B cukai pendapatan dinaikkan
 - C isi rumah mendapat bonus tahunan
 - D Jangkaan harga sesuatu barang akan meningkat
- 10 Jadual 2 berkaitan dengan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
2.00	10
3.00	X

Jadual 2


- Jika nilai keanjalan harga permintaan ialah 0.4. Berapakah nilai X?
- A 4 unit
 - B 6 unit
 - C 8 unit
 - D 12 unit
- 11 Pernyataan manakah yang betul tentang penentu keanjalan harga permintaan?
- A Kopi permintaannya adalah anjal
 - B Barang mewah adalah lebih anjal
 - C Susu permintaannya adalah anjal
 - D Tepung atta membuat capati adalah anjal

- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan penawaran kerepek pisang.

Penawaran kerepek pisang bertambah dari 160 unit ke 260 unit apabila harga kerepek pisang itu meningkat dari RM4.00 ke RM5.00.

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran barang tersebut?

- A 0.40
 - B 0.60
 - C 1.25
 - D 2.50
- 13 Gambar 3 berkaitan dengan fungsi wang.



Gambar 3

Fungsi wang di atas adalah sebagai alat

- A ukuran nilai
- B simpanan nilai
- C bayaran tertunda
- D perantaraan pertukaran

- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan satu perkhidmatan yang disediakan oleh bank perdagangan.

- Tidak memerlukan cagaran
- Dapat digunakan oleh peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai

Apakah perkhidmatan tersebut?

- A Overdraf
 - B Draf bank
 - C Pindahan kredit
 - D Pinjaman persendirian
- 15 Antara yang berikut, yang manakah faedah sampingan dalam faktor pemilihan pekerjaan?
- I Elaun Perumahan
 - II Faedah persaraan
 - III Prospek pekerjaan
 - IV Suasana tempat kerja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 16 Encik Farid bekerja sebagai Penolong Akauntan di Pejabat Tanah dan Galian. Beliau menyimpan sebanyak RM300 setiap bulan di Lembaga Tabung Haji sebagai langkah persediaan untuk kecemasan dan menunaikan haji.
- Apakah jenis pendapatan yang diterima oleh Encik Farid.
- A Upah dan faedah
 - B Upah dan dividen
 - C Untung dan faedah
 - D Untung dan dividen

- 17 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelebihan membayar secara kredit?
- I Mendapat diskaun harga
 - II Menikmati harga yang murah
 - III Meringankan beban kewangan
 - IV Mempunyai perkhidmatan lepas jualan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 18 Jadual 3 berkaitan dengan fungsi pengeluaran sebuah firma.

Input Berubah (unit)	Jumlah keluaran (unit)
2	6
4	15
7	40
9	X

Jadual 3

Berapakah keluaran marginal firma bagi input berubah ke- 9, jika keluaran X bertambah 35%?

- A 4.5
B 6.0
C 7.0
D 8.33

- 19 Jadual 4 menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

Jumlah Keluaran (unit)	Kos Berubah (RM)
2	21
3	25
4	30

Jadual 4

Berapakah jumlah kos pada keluaran ke-4 unit, jika kos tetap firma ialah RM30.

- A 15
 - B 30
 - C 55
 - D 60
- 20 Maklumat berikut menunjukkan hasil dan kos bagi Firma EZZY Sdn. Berhad.


Harga jualan seunit	= RM19.90
Jumlah kos	= RM21 000

Berapakah untung yang diperoleh sekiranya firma berjaya menjual 3 500 helai baju?

- A RM17 500
- B RM24 500
- C RM48 650
- D RM69 650

- 21 Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor mempengaruhi produktiviti sebuah organisasi?
- I Tenaga manusia
 - II Persekitaran kerja
 - III Kepuasan pengguna
 - IV Tingkat agihan pendapatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 22 Setiap hari Hakimi, 30 tahun akan berbasikal ke tempat kerja. Tepat pada pukul 6 pagi, dia akan mengayuh sejauh 7 kilometer dari rumahnya di Sentul ke pejabatnya di ibu kota.
- Apakah faedah sosial yang terlibat?
- A Kemusnahan alam flora
 - B Perbelanjaan harian menurun
 - C Kadar kesesakan lalu lintas tinggi
 - D Kos pengangkutan yang meningkat
- 23 Pernyataan yang manakah merujuk kepada faedah sampingan yang kerajaan tawarkan kepada penjawat awam?
- A Caruman insurans nyawa
 - B Percutian yang menarik setiap hujung tahun
 - C Elaun perumahan dan elaun sara hidup (COLA)
 - D Peluang mendapat kenaikan pangkat yang lebih tinggi

- 24 Gambar 4 berkaitan dengan satu situasi ekonomi dalam negara.



Gambar 4

Apakah kesan yang akan berlaku akibat situasi tersebut?

- A Tabungan meningkat
 - B Kos pinjaman menurun
 - C Kadar faedah meningkat
 - D Kos sara hidup menurun
- 25 Pengangguran geseran berlaku disebabkan oleh
- A keadaan ekonomi yang lembab
 - B perubahan struktur ekonomi negara
 - C kekurangan maklumat tentang pekerjaan
 - D mobiliti dari segi kelayakan dan kemahiran terhad
- 26 Pernyataan yang manakah betul berkaitan dengan dasar fiskal untuk mengatasi inflasi?
- A Dasar fiskal mengembang akan digunakan
 - B Kerajaan akan mengurangkan perbelanjaan
 - C Alat yang digunakan ialah menurunkan kadar cukai
 - D Bertujuan untuk meningkatkan permintaan agregat dalam negara.

- 27 Gambar 5 berkaitan dengan satu sumber hasil kerajaan.



Gambar 5

Pernyataan yang manakah betul ?

- A Jenis cukai ialah cukai langsung
 - B Beban cukainya boleh dipindahkan kepada pihak lain
 - C Cukai yang dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan di pasaran
 - D Menyumbangkan peratusan yang terbesar kepada kerajaan persekutuan
- 28 Maklumat dibawah berkaitan dengan satu masalah ekonomi dalam negara.


KUALA LUMPUR: Inflasi Malaysia meningkat 1.8 peratus pada Februari 2024 dengan mata indeks mencatatkan 132.1 berbanding 129.8 pada bulan yang sama tahun sebelumnya, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Apakah alat dasar kewangan yang sesuai dilaksanakan oleh kerajaan ?

- A Menurunkan nisbah rizab tunai
- B Melonggarkan syarat sewa beli
- C Membeli surat jaminan kerajaan
- D Menaikkan kadar faedah pinjaman

- 29 Antara yang berikut, yang manakah betul berkaitan dengan kepentingan perdagangan antarabangsa?
- I Menggalakkan mobiliti tenaga buruh
 - II Menggalakkan persaingan antara firma
 - III Meningkatkan kecekapan pengeluaran
 - IV Meningkatkan harga produk tempatan
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 30 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan sekatan perdagangan antarabangsa?
- I Tarif menyebabkan secara relatifnya harga barang import lebih mahal
 - II Subsidi bertujuan firma tempatan lebih berdaya saing di pasaran global
 - III Sekatan bukan ekonomi yang dilaksanakan akan meningkatkan hasil negara
 - IV Embargo yang dilaksanakan akan meningkatkan hubungan baik antara negara
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 31 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan keburukan sekatan perdagangan antarabangsa?
- I Pengagihan pendapatan yang tidak adil
 - II Ketidakecekapan dalam industri tempatan
 - III Mengurangkan pengangguran dalam negara
 - IV Mengurangkan pilihan barang import dalam negara
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

- 32 Lebihan dalam akaun semasa sesebuah negara berlaku kerana
- A Permintaan yang tinggi terhadap eksport
 - B Permintaan yang tinggi terhadap import
 - C Penurunan dalam produktiviti sesebuah negara
 - D Penurunan penerimaan pendapatan primer dan sekunder
- 33 Gambar 6 berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dolar Singapura (S\$)



Gambar 6

- Berapakah nilai sesuatu barang dalam Ringgit Malaysia (RM) jika harganya ialah S\$9 650.00
- A RM3 711.54
 - B RM6 031.25
 - C RM25 090.00
 - D RM34 740.00
- 34 Kenaikan nilai Ringgit Malaysia (RM) akan menyebabkan
- A harga barang eksport menjadi murah
 - B harga barang import menjadi mahal
 - C jumlah eksport akan meningkat
 - D jumlah import akan bertambah

Soalan 35 hingga **soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35 I Tujuan firma membuat projek pelaburan adalah untuk memaksimumkan keuntungan.
II Syarikat Teguh akan memilih projek yang dapat memaksimumkan untung dan kebajikan orang ramai.
- 36 I Hukum permintaan menunjukkan hubungan antara harga dan kuantiti diminta adalah positif.
II Keluk permintaan mencerun ke atas dari kiri ke kanan.
- 37 I Pendapatan boleh guna dapat membiayai perbelanjaan penggunaan.
II Contoh perbelanjaan penggunaan ialah pembelian barang tahan lama.
- 38 I Kos tetap wujud dalam jangka masa pengeluaran pendek dan panjang.
II Kos tetap tidak berubah pada setiap tingkat output.
- 39 I Perbelanjaan mengurus ialah perbelanjaan semasa kerajaan yang berulang pada setiap tahun.
II Contoh perbelanjaan mengurus ialah membina sekolah.
- 40 I Kemudahan infrastruktur pengangkutan yang baik menggalakkan globalisasi.
II Aktiviti perniagaan dapat dilakukan dengan cepat dan mudah dengan adanya penerbangan kos rendah.

KERTAS TAMAT